

23/07/1999

Utamakan parti daripada calon

INGATAN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad kepada ahli parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) supaya tidak mempersoalkan pemilihan calon yang akan bertanding dalam pilihan raya umum nanti adalah penting dalam konteks memastikan perpaduan dalam BN terus mantap. Setakat ini tidak ada tanda-tanda berlaku pergeseran dalam pembahagian kerusi atau calon dalam BN. Keadaan ini berbeza dengan pakatan parti pembangkang yang masing-masing sudah mempertikaikan hak parti masing-masing dengan mendakwa parti mereka lebih kuat daripada rakan mereka. Pertelagahan pendapat antara Pas dan DAP mengenai pengagihan kerusi begitu ketara apabila kedua-dua parti itu tidak mahu bertolak ansur dalam soal pengagihan kerusi. Ketika Pas cuba menonjolkan dirinya sebagai parti dominan untuk menegakkan kuasa kawalannya dalam menentukan jumlah kerusi yang boleh dipertandingkan oleh DAP, DAP pula menyatakan mereka tidak berganjak untuk meletakkan calon di 48 kawasan di Semenanjung Malaysia, sama seperti cadangan yang diperuntukkan kepada Pas (48) dan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) (48). Parti Rakyat Malaysia (PRM) hanya menagih simpati daripada DAP, itu pun jika DAP mahu melepaskan beberapa kerusi kepada parti itu. Kemungkinan besar PRM hanya akan diberi kerusi yang terlalu sukar untuk dimenangi parti pembangkang.

Pergeseran dalam pengagihan kerusi tidak mungkin berlaku dalam BN. Ini kerana BN sudah menghadapi pilihan raya secara bersama sejak pilihan raya pertama lagi terutamanya dengan MCA dan MIC. Keadaan ini berbeza dengan pakatan pembangkang yang sering mengubah sekutunya setiap kali pilihan raya diadakan. Dalam dua pilihan yang lalu Pas berpakat dengan Parti Melayu Semangat 46 (S46) dan DAP, kali ini Keadilan pula muncul. Oleh itu setiap kali pilihan raya, mereka terpaksa berunding untuk mencari kata sepakat. Perasaan tidak puas hati sering wujud di kalangan mereka.

Dalam BN, jika berlaku ketidakpuasan hati sekali pun, ia terbatas kepada pemilihan calon di sesuatu kawasan. Walaupun ini adalah fenomena biasa dalam menghadapi pilihan raya, seboleh mungkin ia perlu dielakkan. Apa yang penting, setiap mereka perlu akur dengan keputusan pemimpin yang lebih arif membuat penilaian. Sekiranya tidak dipilih bertanding sekali lagi, tidak bermakna mereka tidak diperlukan oleh parti. Dengan memberi laluan kepada calon lain, membuktikan perjuangan mereka adalah tulen, bukan semata-mata untuk menjadi wakil rakyat dan mencari kedudukan. Malah, mereka akan lebih dihormati demi memberi peluang kepada tokoh baru untuk membuktikan daya kepemimpinan masing-masing.

Bagi mereka yang terus dipilih walaupun sudah menjadi wakil rakyat beberapa penggal, ia juga tentulah dibuat atas alasan yang kukuh. Khidmat mereka masih diperlukan atas beberapa faktor yang hanya dapat dinilai oleh pucuk pimpinan. Ahli biasa tidak seharusnya mempertikaikan keputusan pemimpin kerana setiap yang dilakukan mempunyai asasnya dan dibincangkan secara mendalam.

Dalam pilihan raya kali ini, banyak muka baru mungkin dipilih bertanding sama ada mewakili Umno, MCA, MIC, Gerakan atau parti-parti lain atas tiket BN. Ini adalah perkara biasa dalam proses kemajuan politik negara. Setiap kali pilihan raya, banyak muka baru diketengahkan kerana merekalah bakal mewarisi kepemimpinan akan datang. Setiap rakyat harus memberi sokongan padu kerana dengan menyokong mereka, bermakna menyokong kesinambungan kepemimpinan negara. Jika rakyat Malaysia dianggap terlalu peka terhadap setiap perubahan, mereka juga seharusnya menerima hakikat bahawa perubahan

perwakilan di kawasan mereka juga adalah satu proses perubahan. Apa yang penting semangat BN tidak perlu luntur. Siapa saja calon, tidak kira parti mana yang mereka wakili, asalkan dari BN, sokongan yang jitu perlu diberikan. Jika semangat ini dapat dilaksanakan, BN bukan saja boleh memenangi pilihan raya dengan kelebihan majoriti 2/3 kerusi, tetapi akan dapat melumpuhkan jentera pembangkang yang beriya-iyanya benar untuk merampas kuasa.

Faktor paling penting, setiap ahli yang mewakili parti dalam BN hendaklah berjuang bersungguh-sungguh menentang pembangkang. Perjuangan BN adalah untuk masa depan rakyat. Bagi yang tidak dipilih, mereka perlulah memberi sokongan padu kepada calon baru, sebagaimana mereka sendiri mendapat sokongan ketika dipilih menjadi calon dalam pilihan raya terdahulu. Jangan pula mereka mengalih kiblat ke parti pembangkang kerana perbuatan itu akan menyebabkan rakyat melabel mereka sebagai pembelot dan pengkhianat.

(END)